



**GARIS PANDUAN PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN**

**KADAR BAGI PERKHIDMATAN PENCERAMAH / FASILITATOR BUKAN
PENJAWAT AWAM, PERKHIDMATAN KEPAKARAN DARIPADA BUKAN
PEGAWAI AWAM DAN PERKHIDMATAN JURUBAHASA**

**TARIKH KEMASKINI:
01 JANUARI 2026**

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	2
2. KADAR BAGI PERKHIDMATAN PENCERAMAH BUKAN PENJAWAT AWAM, PERKHIDMATAN KEPAKARAN DARIPADA BUKAN PEGAWAI AWAM DAN PERKHIDMATAN JURUBAHASA	2 - 4
3. PEMATUHAN	4

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara dan kadar bayaran yang perlu dipatuhi berkaitan bayaran Perkhidmatan Penceramah Bukan Penjawat Awam, Perkhidmatan Kepakaran Daripada Bukan Pegawai Awam Dan Perkhidmatan Jurubahasa yang diundang untuk menjayakan majlis / kursus / bengkel / persidangan / program rasmi anjuran Kerajaan Negeri.
- 1.2 Peraturan mengenai syarat-syarat dan kadar bayaran saguhati kepada pensyarah / penceramah dan fasilitator sambilan dari kalangan penjawat awam adalah sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan WP1.8.

2. KADAR BAGI PERKHIDMATAN PENCERAMAH BUKAN PENJAWAT AWAM, PERKHIDMATAN KEPAKARAN DARIPADA BUKAN PEGAWAI AWAM DAN PERKHIDMATAN JURUBAHASA

- 2.1 Kadar bagi perkhidmatan penceramah **bukan penjawat awam** ditetapkan seperti berikut:

Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Penceramah (RM)	Kadar Bayaran Fasilitator (RM)
Ph.D	400.00 per jam	200.00 per jam
Ijazah Sarjana	300.00 per jam	150.00 per jam
Ijazah Sarjana Muda	200.00 per jam	100.00 per jam
Diploma / Sijil	100.00 per jam	80.00 per jam

- 2.2 Bagi penceramah yang tidak mempunyai kelayakan akademik atau mempunyai kelayakan akademik yang rendah tetapi diperakui pengalaman dan pengetahuannya di pelbagai peringkat, Jabatan boleh mengemukakan cadangan bayaran per jam yang bersesuaian kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk pertimbangan, **terhad kepada kadar maksima RM400.00 per jam.**
- 2.3 Tatacara Penetapan dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 dengan had nilai Pihak Berkuasa Melulus yang diselaraskan seperti di bawah:

Had Nilai Perbelanjaan	Pihak Berkuasa Melulus
Sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal / Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis
Melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu	Pegawai Kewangan Negeri
Melebihi RM500 ribu	Lembaga Tender Negeri

- 2.4 Had Nilai Perbelanjaan adalah meliputi jumlah keseluruhan perbelanjaan melibatkan kadar perkhidmatan / pemberian wang tunai / bayaran tuntutan perjalanan / pengangkutan / bayaran makan minum / penginapan dan lain-lain yang terlibat sebagai bayaran kepada bukan pegawai awam tersebut dalam program rasmi Kerajaan Negeri.

- 2.5 Pembayaran Elaun Bahasa / Bahasa Isyarat bagi Jurubahasa
Bukan Penjawat Awam ditetapkan pada kadar seperti di bawah:

Kategori	Profesional	Bukan Profesional
Kadar per jam	RM150.00 sejam	RM100.00 sejam

Tafsiran Profesional:

Mempunyai Sijil Kelayakan yang Diiktiraf / Diploma / Ijazah / Sarjana / Ph.D dalam bahasa yang berkenaan.

Tafsiran Bukan Profesional:

Mana-mana orang awam yang boleh menterjemah bahasa asing tetapi tiada sijil berkaitan.

3. PEMATUHAN

- 3.1 Semua Jabatan dibenarkan untuk mewujudkan kawalan dalaman masing-masing bagi memastikan peruntukan bagi tujuan ini mencukupi.
- 3.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa serta-merta dan Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri terdahulu berkaitan perkara ini adalah **terbatal**.

**PEJABAT KEWANGAN NEGERI
PERAK DARUL RIDZUAN.**